

**TEKS UCAPAN**  
**DATO' YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MAJLIS PERASMIAN PUSAT LATIHAN**  
**DAN PAMERAN 'UPCYCLE'**  
**PERTUBUHAN PENDUDUK KEPALA GAJAH,**  
**PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR**  
**TAMAN PUTERI GUNUNG**  
**18 JUN 2017 (AHAD), 9.00 AM**

---

**Yang Berusaha Dr Tiun Ling Ta,**

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai

Merangkap Penasihat Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Puteri Gunung

**Yang Berusaha Encik Tan Chor Soon**

Pengerusi Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah

**Yang Berusaha Puan Tang Munne**

Ketua Bahagian Wanita, Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah

Ahli - ahli Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana sudi menjemput saya ke Majlis Perasmian Pust Latihan Dan Pameran 'Upcycle' Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah pada hari yang berbahagia ini.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Bagi makluman semua, Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah telah Berjaya menubuh Pusat Sumber Alam Sekitar di Taman Puteri Gunung pada tahun 2010. Kegiatan utama ialah mengumpul barangan kitar semula serta telah berjaya menjual hasil kitar semula berjumlah RM4,926 pada tahun 2010. Hasil jualan telah meningkat kepada RM8,757 pada tahun 2011 dan pada tahun lepas hasil jualan adalah berjumlah RM4,632 dan kutipan seberat 6,106 kg. Hasil jualan yang diperolehi oleh pusat ini selain daripada digunakan untuk menampung aspek pengurusan persatuan, Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah juga menjalankan kerja amal dengan memberi sumbangan kepada pelajar miskin di sekolah sekitar Simpang Ampat.

Bermula tahun ini, program ini diperluaskan kepada 'upcycle'. Dalam tempoh 6 bulan, sebanyak 75 orang ahli telah diajar untuk menjahit beg banner, 'upcycle' guna kertas, pembungkus kertas, pembungkus plastik, kotak minuman dan kain. Selain itu, satu lagi program khidmat masyarakat iaitu memberi latihan kepada orang ramai pada hari Isnin dan Rabu jam 8.00 malam hingga 10.00 malam. MPSP berharap lebih ramai masyarakat yang mengguna semula bahan buangan untuk mencipta bahan baru yang boleh diguna pakai.

Saya dimaklumkan bahawa sisa buangan seperti pembungkus plastik di sekitar kawasan Kepala Gajah dan Bandar Tasek Mutiara telah dipungut oleh kaum wanita di sini. Dan buat masa ini, stok 'bahan mentah' masih tidak mencukupi untuk menghasilkan barangan 'upcycle'.

Tuan-tuan dan puan-puan,

MPSP telah bekerjasama dengan pihak Pengurusan Auto-City bagi memberi ruang percuma setiap hari Sabtu pertama jam 8.00 malam hingga 10.30 malam untuk mengadakan Karnival 'Upcycle'. Pertubuhan

Penduduk Kepala Gajah telah menyokong program ini dan mengambil bahagian dengan aktif.

Penyertaan untuk karnival ini adalah terbuka kepada individu serta pertubuhan tempatan. Tujuan karnival ini ialah untuk memberi peluang dan galakkan kepada individu atau pertubuhan tempatan bagi pemasaran produk 'upcycle' dari bahan-bahan buangan. Ini juga mendidik orang awam bahawa bahan-bahan buangan boleh dijadikan barang yang mempunyai pasaran jika kita kreatif.

Barang-barang 'upcycle' dari Sukunan yang diusahakan oleh Pak Iswanto dari Yogyakarta telah mendapat anugerah di peringkat antarabangsa. Pak Iswanto sebagai 'green champion' telah diberi penghormatan di peringkat United Nation. Tidak mustahil ada 'green champion' kita akan mendapat anugerah ini di peringkat UN satu masa nanti. MPSP telah menerima Anugerah PBT paling cemerlang 2016 dari KPKT dalam aktiviti hijau. Saya telah menerima Anugerah ini dari Ybhg Tan Sri Noh di Karnival KPKT pada 3 Disember 2016 yang lalu. Piala pusingan, sijil telah diberikan untuk MPSP. Kalau kita boleh pertahankan piala pusingan ini untuk tahun 2017 dan seterusnya adalah baik.

MPSP telah memulakan kempen program sisa sifar pada tahun 2010. Sasaran bagi program ini adalah sekolah-sekolah, kilang dan komuniti. Untuk menjayakan kempen Program Sisa Sifar ini, konsep 4R telah diperkenalkan, iaitu *Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle*. Konsep ini mengajak masyarakat berfikir terlebih dahulu sebelum menghasilkan sampah/sisa. Untuk makluman, jumlah pusat kitar semula komuniti yang ditubuhkan di seluruh Seberang Perai ialah sebanyak 64 pusat. Untuk 64 pusat kitar semula ini, terdapat 10 pusat di rumah bertingkat, 14 di kampung dan 40 pusat di taman perumahan. Jika dilihat dari penglibatan komuniti, Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Taman Pandan dan Pangsa Tanjung Indah di Butterworth, merupakan komuniti yang telah berjaya dalam Program Sisa Sifar. Dari segi perindustrian pula, Kilang SONY di Perai boleh diambil sebagai contoh yang baik kerana telah mencapai 96% pengurangan sisa (*waste diversion*) ke Tempat Pelupusan Sampah Pulau Burung.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam pemajuan baru di Eco City, Batu Kawan, MPSP telah mensyaratkan pusat kitar semula di sediakan untuk menggantikan stor MPSP. Bagi pemajuan baru dan di luar kawasan Eco City Batu Kawan,

MPSP telah menggalakkan pemaju menyediakan pusat kitar semula, menggantikan penyediaan stor MPSP. Penyediaan pusat kitar semula di peringkat awal pembangunan perumahan, selaras dengan konsep 'Rethink' iaitu menyediakan kemudahan ini dengan lebih awal dan boleh dijadikan bahan promosi untuk perumahan tersebut.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah sasarkan kadar kitar semula sebanyak 50% pada tahun 2020 bagi keseluruhan negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2016, kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai adalah 42.60% yang mana telah berjaya ditingkatkan dari 39.64% pada tahun 2015. Target MPSP untuk hujung tahun 2017 adalah 45 %. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Jepun (77%), Austria (63%), Germany (62%), dan Singapura sebanyak (61%). MPSP menerajui usaha kitar semula untuk membolehkan negeri kita mencapai kadar kitar semula yang paling tinggi.

Saya telah menghadiri program Eco Business Forum di Kawasaki Jepun beberapa tahun yang lalu. Hasil 'upcycle' di Jepun telah mendapat sambutan di peringkat antarabangsa, dimana hasil komuniti 'upcycle' untuk *costume jewelry* (barang hiasan) telah dijual on-line. Yang paling penting adalah usaha untuk mengurangkan sisa yang dijana, kemudian

mengasingkan sisa yang dijana kepada sisa yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, botol, dan sisa yang tidak boleh dikitar semula.

Para Hadirin sekalian,

Pengasingan sisa di punca di Pulau Pinang telah dilaksanakan pada 1 Jun 2016 dan penguatkuasaan telah dilaksanakan bermula 1 Jun 2017. Untuk makluman para hadirin, kutipan sisa kitar semula dibuat pada setiap hari Sabtu. MPSP turut mensyaratkan kepada kompleks makanan, pasar malam dan sebagainya bagi pelaksanaan pengasingan sisa di punca seperti di dalam syarat pelesenan.

Sisa sifar merupakan satu elemen yang penting kerana semakin kurang sampah yang dihasilkan, maka kita dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah yang sedia ada iaitu di Pulau Burung. Lebih kurang 50 % sampah yang dibuang oleh penduduk Seberang Perai merupakan sisa domestik. Jika kita dapat menjalankan kitar semula dan pengkomposan, ia dapat mengurangkan banyak sampah yang dihantar ke tapak pelupusan. Oleh itu, kerjasama diantara komuniti dan MPSP dalam program-program seperti ini amat dialu-alukan kerana ia memupuk

satu ikatan ke arah mewujudkan betapa pentingnya kita mengurangkan penajaan sisa pepejal atau sampah sarap.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 tipping free dalam sehari. Kita sedia maklum, tipping fee bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas tipping fee ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM4 juta / tahun.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca dan aktiviti 'upcycle'. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang dihantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Dengan ini saya menyeru para hadirin, untuk menjadikan kitar semula sebagai satu gaya dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka



seindah dan seijau mungkin. Marilah kita menjadi *game changer* dan melaksanakan 4R dan 4P untuk menjamin persekitaran yang bersih dan sihat.

Dengan harapan ini, saya melancarkan Majlis Perasmian Pust Latihan Dan Pameran 'Upcycle' Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah.

Sekian, terima kasih.